

105048

Nadzan Haron. Pemilikan dan pentadbiran tanah adat, 1800-1960. Diedit A. Samad Idris & Muhammad Tainu. Seremban: Muzium Negeri Negeri Sembilan, 1967 (Negeri Sembilan Gemula Berpupuk Segar Bersiram)

Bab Lima

Kesimpulan

SESUATU sistem pentadbiran tanah itu perlu di sesuaikan dengan perkembangan sosio-ekonomi masyarakatnya. Ianya haruslah tidak bertentangan dengan kehendak perkembangan yang dilalui oleh masyarakat berkenaan dan dasar kerajaan yang memerintah. British mendapati sistem pentadbiran tanah yang ada dianggap tidak sesuai dengan bentuk pentadbiran yang mereka perkenalkan. Terdapat keperluan suatu sistem pemilikan tanah yang seragam dan sesuai dengan perkembangan ekonomi moden. Maka itu British telah memperkenalkan suatu sistem pentadbiran tanah yang baru bagi menggantikan sistem tradisional yang diamalkan. Dalam usaha untuk menyesuaikan dengan arus perkembangan ekonomi yang berlaku dan mengatasi masalah yang terdapat penggubalan undang-undang serta pindaan telah dilakukan masa ke semasa.

Undang-undang tanah yang terawal di perkenalkan bagi pentadbiran tanah di Negeri Sembilan ialah *Land Regulations* 1887. Undang-undang ini mewajibkan pendaftaran semua pemilikan tanah serta pengenalan sistem cukai. *General Land Regulations* 1889 yang dikuatkuasakan dua tahun kemudian mengiktiraf semua pemilikan bumiputera sebagai pemilikan sah mengikut adat tempatan. *Negeri Sembilan Land Enactment*, 1897 memberi peruntukan bahawa semua tanah pemilikan bumiputera didaftarkan dibawah nama pemilik berkenaan. Hakmilik tuan tanah keatas tanahnya tidak diakui sah sekiranya harta berkenaan tidak terdaftar diatas namanya. *Land Enactment*, 1903 memperkuatkan lagi hak pemilik keatas tanahnya dimana dijelaskan pemilik mempunyai hak kekal dan bebas untuk melakukan apa jua jenis transaksi serta apa jua kepentingan keatas tanahnya.

Pengenalan sistem baru ini bertentangan dengan adat dari dua segi. Pertama, pemilikan persaorangan dibawah sistem yang baru bertentangan dengan pemilikan terhad dibawah sistem adat.

Kedua, sistem pendaftaran itu pada zahirnya memperkuatkan hakmilik individu keatas tanahnya dan pemilik beranggapan bahawa ia berhak untuk melakukan apa jua urusan yang mungkin bertentangan dengan adat. Untuk mengatasi konflik ini suatu enakmen khas telah diperkenalkan demi untuk mengekalkan adat dalam urusan tanah. Namun itu enakmen ini dikuatkuasakan keatas tanah yang dapat dibuktikan bahawa tanah tersebut adalah pesaka yang diwarisi oleh anggota perempuan secara turun-temurun. Dengan adanya undang-undang tertulis ini secara tidak langsung telah menghadkan pemilikan individu keatas tanah yang sedia terdaftar di bawah namanya. Kedudukan tanah jenis ini yang kemudiannya didaftarkan sebagai 'tanah adat' kekal dibawah peraturan adat yang telah dijadikan sebagai undang-undang tertulis. Manakala kedudukan tanah yang tidak terdaftar sebagai tanah adat dalam keadaan tertentu pentadbirannya berasaskan peraturan adat dan ada pula yang ditadbirkan mengikut undang-undang biasa. Kedudukan peraturan adat ke atas tanah adat kekal dikuatkuasakan dibawah undang-undang yang tertulis. Manakala kedudukan peraturan adat keatas tanah yang tidak terdaftar sebagai tanah adat 'pesaka carian', peraturan ini sentiasa tercabar kerana sifatnya sebagai undang-undang yang tidak tertulis. Perlaksanaannya tergantung kepada budibicara pegawai tanah yang mentadbirkannya dan anggota adat yang berkaitan.

Dalam sistem Adat Perpatih peraturan adat sebenarnya adalah menyeluruh, ia tidak terhad keatas tanah yang didaftarkan sebagai 'customary land' saja, tetapi adat juga menentukan peraturan tertentu bagi semua harta tanah milik, anggota adat. Timbulnya masalah dalam pentadbiran kerana sikap anggota adat sendiri terhadap peraturan adat itu dan penakrifan pegawai tanah yang berbeza-beza keatas sesuatu peraturan yang tidak tertulis. Dalam sistem ekonomi moden dimana tanah adalah sesuatu komoditi kewangan yang terpenting seseorang itu mahu mempunyai hakmilik bebas keatas tanah yang terdaftar dibawah namanya. Dengan ini adat dilihat sebagai penyekat kepada keinginan tersebut. Maka itu didapati timbulnya masalah dalam pelaksanaan peraturan adat keatas tanah. Keinginan ini lebih jelas dilihat dimana peraturan adat yang menetapkan pesaka carian setelah diwarisi oleh anggota perempuan adalah dianggap sebagai tanah adat boleh dikatakan ditinggalkan langsung oleh masyarakatnya. Pemilik yang mewarisi pesaka carian ini tentu sekali tidak mahu mendaftarkan tanahnya sebagai 'tanah adat'.¹ Begitu juga dalam kes penyelesaian harta pesaka seseorang itu hanya merujuk kepada

peraturan adat apabila ia memikirkan bahawa penyelesaian mengikut peraturan adat itu lebih menguntungkannya. Seperti dalam penyelesaian harta Haji Pais, dimana sianak menuntut penyelesaian dibuat mengikut peraturan adat setelah ia gagal mewarisi keseluruhan harta peninggalan carian ibu-bapanya. Pada kebiasaan seseorang itu akan mengeneipkan peraturan adat dalam apa jua urusan tanah yang tidak terdaftar sebagai tanah yang tertakluk kepada Enakmen Tanah Adat.

Bagi pegawai tanah pula mereka mempunyai takrif yang berbeza tentang kedudukan adat sebagai undang-undang tanah yang tidak tertulis. Terdapat kontroversi tentang Enakmen Tanah Adat Cap. 125 yang secara jelas telah menghadkan perlaksanaan peraturan adat keatas harta pesaka yang terdaftar sebagai 'customary land' saja. Lantas boleh ditakrifkan bahawa adat tidak lagi boleh dikuatkuasakan keatas tanah yang tidak terdaftar sebagai tanah adat seperti sebelum pengenalan 'Customary Tenure Enactment' 1909. Persoalan timbul samada tanah yang tidak terdaftar sebagai tanah adat boleh ditadbirkan mengikut peraturan adat. Cussen J. dalam kes tahun 1939 Re Haji Mansur dec., berpendapat bahawa undang-undang tertulis tidak boleh mengatasi atau menggantikan adat yang sedia kukuh melainkan dengan pengistiharan resmi. Peraturan adat boleh dan harus diberi perhatian dalam mentadbirkan tanah dalam Daftar Mukim yang tidak terdaftar 'customary land'.² Pandangan ini adalah berdasarkan kepada pengiktirafan keatas adat sebagai undang-undang am 'comon law' yang tidak tertulis.

Terdahulu dari ini Mudie J. dalam Re. Kutai v. Taensah kes tahun 1934 berpendapat penyelesaian tanah yang terdaftar dalam Daftar Mukim sebagai 'tanah adat' adalah tertakluk kepada peraturan, adat. Manakala tanah yang tidak terdaftar sebagai 'tanah adat' penyelesaiannya adalah tertakluk kepada hukum faraid.³ Takrif yang sama diberikan dalam dua kes berlainan pada tahun 1936 dimana Pedlon J dalam Indun Binti Mat Zin v. Haji Ismail Bin Musa dan Ors., dan Raja Musa J. dalam Re. Jeriah dec. telah menyelesaikan kes-kes berkenaan mengikut hukum faraid kerana tanah yang dipertikaikan tidak didaftarkan sebagai 'customary land', walaupun ternyata bahawa tanah berkenaan adalah pesaka carian yang telah diwarisi oleh beberapa jenerasi perempuan.⁴ Manakala dalam dua kes penyelesaian harta simati yang terdahulu dari ini iaitu dalam tahun 1920an Acton J. dalam Re Dato Ngiang Kulop Kidal dec. dan Burton J. dalam Re Haji Pais dec., kedua-dua hakim ini memutuskan bahawa harta simati

harus diselesaikan mengikut undang-undang peribadi 'personal law' simati. Acton J. telah mengenyepikan wasiat yang telah dibuat oleh Dato Ngiang Kulop kerana simati adalah anggota adat dan harta yang diselesaikan terletak dalam wilayah adat Rembau.⁵ Begitu juga Burton J. dalam penyelesaian pesaka Haji Pais memutuskan bahawa adat perpatih itu adalah 'personal law' bagi anggota masyarakat adat Negeri Sembilan.

Terdapat banyak lagi kes terkemudian yang menimbulkan kontroversi, kesemua ini berpunca dari sikap anggota adat yang terlibat terhadap peraturan adat itu sendiri. Manakala pegawai British cuma menjalankan tugas untuk menegakkan keadilan dalam pertikaian pesaka anggota adat berkenaan. Malah usaha untuk mengekalkan adat dalam pentadbiran tanah adalah usaha pegawai British sendiri. Sehingga pada tahun 1949 contohnya dalam *Anyam v. Intan*, tanah yang dipertikaikan adalah tanah pesaka carian yang diwarisi oleh simati dari ibunya. Taylor J. mengeluarkan perintah bahawa tanah tersebut diselesaikan perwarisannya mengikut adat dan tanah berkenaan didaftarkan sebagai 'tanah adat'.⁶

Dalam menegakkan keadilan pegawai tanah sering merujuk kepada adat walaupun tanah yang dipertikaikan bukan tanah yang tertakluk kepada Enakmen Tanah Adat. Dalam *Minah v. Mat Dahan* beberapa lot tanah carian laki-bini terdaftar dibawah nama sisuami [Mat Dahan] yang kemudiannya membuat urusan sulit menjual dan melarikan wang jualan tersebut. Si isteri [Minah] mengetahui rancangan sisuami lantas memohon kepada PHT supaya namanya didaftarkan sebagai pemilik bersama keatas semua lot tanah tersebut. PHT telah mengeluarkan perintah supaya nama siisteri didaftarkan sebagai pemilik separuh bahagian keatas semua lot tanah tersebut. Perintah ini adalah mengikut peraturan adat 'carian bahagi'. Pada pendapatnya jika seorang isteri yang masih belum diceraikan tidak boleh menuntut separuh bahagian haknya keatas harta carian seperti peraturan adat, seorang suami yang pembelit boleh menjualkan hak tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan siisteri.⁷ Pegawai Tanah telah bertindak mengikut peraturan adat iaitu 'harta carian laki-bini adalah hak kepunyaan bersama suami dan isteri'. Suami tidak boleh membuat sebarang pindahmilik walaupun harta ini terdaftar atas namanya seorang melainkan dengan persetujuan bersama siisteri.

Dalam *Bedah v. Neman* pula atas kematian siibu semua lot tanah pesaka simati diturunkan kepada anak perempuan pertama.

Manakala anak perempuan kedua tidak mewarisi harta tersebut kerana semasa penyelesaian dibuat ia mengikut suaminya yang berada di luar wilayah Rembau. Setelah genap dua belas tahun anak perempuan kedua telah kembali ke Rembau dan menuntut bahagian haknya. Sikakak tidak mahu menyerahkan hak siadik atas alasan tuntutan berkenaan dibuat selepas melebihi jangka waktu yang dibenarkan oleh undang-undang. PHT telah meluluskan tuntutan siadik kerana adat menjamin hak anak keatas harta pesaka ibunya.⁸

Dalam Re Munap & Salleh tiga lot tanah harta carian laki-bini adalah terdaftar dibawah nama suami. Pasangan ini mempunyai dua orang anak lelaki yang masih kecil. Siisteri telah meninggal dan kedua-dua anak tersebut dipelihara oleh adik perempuan simati. Apabila sisuami berkahwin lagi semua lot tanah tersebut telah dipindahkan keatas nama ibunya. Adik perempuan simati telah menuntut separuh bahagian harta tersebut sebagai pemegang amanah kepada anak-anak simati. PHT telah meluluskan tuntutan tersebut kerana kedua-dua anak simati adalah waris kepada harta carian ibunya dan mengikut adat adik perempuan simati adalah penjaga yang sah keatas anak-anak simati.⁹

Kes-kes yang dirujuk menunjukkan bahawa pengenalan sistem ekonomi moden dan perkembangan pelajaran agama telah mempengaruhi sikap anggota adat terhadap peraturan adat dalam pentadbiran tanah milik mereka. Mereka sering mengenyepikan adat dalam apa juga bentuk urusan tanah mereka. Mereka hanya merujuk kepada adat sekiranya cara berkenaan lebih menguntungkan mereka. Usaha untuk mengekalkan adat dalam pentadbiran tanah datangnya dari pegawai British sendiri. British telahewartakan sebahagian peraturan adat itu sebagai undang-undang tertulis yang kekal sehingga kehari ini. Sifatnya sebagai undang-undang tertulis menyebabkan 'Customary Tenure Enactment' itu adalah satu-satunya yang mengekalkan warisan tradisional dikalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

Sesuatu yang tidak tertulis itu tidak kekal untuk selamanya. Lambat laun ia akan hilang juga ditelan perubahan yang sentiasa mencabar. Sehingga kehari ini sebahagian besar peraturan adat perpatih itu telah diketepikan oleh masyarakatnya. Bahkan sebahagian yang tertulis itu jua sering tergugat dan tidak dipatuhi oleh anggota yang mendokongnya. Contohnya, CTE memberi peruntukan yang mengatakan bahawa pesaka carian setelah diwarisi oleh anggota perempuan boleh didaftarkan sebagai 'tanah

adat'. Tetapi dari segi perlaksanaan rata-rata anggota adat tidak mahu mendaftarkan tanah berkenaan sebagai 'tanah adat'.

Peraturan adat dalam pentadbiran tanah yang kekal hanya berhubung tanah yang sedia terdaftar sebagai tanah yang tertakluk kepada enakmen tanah adat saja. Kekalnya peraturan ini kerana peraturan berkenaan telah diwartakan sebagai undang-undang tertulis. Manakala sebahagian yang tidak diwartakan sebagai undang-undang tertulis itu walaupun sering dirujuk oleh pegawai tanah dalam urusan terdahulu kini hampir tidak mendapat tempat lagi. Pada praktiknya peraturan adat bagi tanah yang tidak terdaftar sebagai 'tanah adat' tidak menjadi rujukan pegawai tanah lagi dalam urusan penyelesaian kes-kes yang timbul. Dalam penyelesaian perwarisan tanah demikian hukum faraid itu telah mengatasi adat. Manakala dalam urusan seharian penama yang terdaftar sebagai pemilik itu adalah orang yang berkuasa keatas apa jua urusan yang berkaitan tanpa sekatan adat atau undang-undang tertulis.

1. Haji Hussain v. Maheran dalam Federated Malay States Law Report, 1941, 18, adalah contoh delima yang dihadapi oleh seorang yang telah berjaya mewarisi kebun getah melalui penyelesaian pesaka simati mengikut peraturan adat. Tetapi setelah berjaya mewarisi tanah tersebut ia tidak mahu tanah tersebut didaftarkan sebagai tanah pesaka yang tertakluk kepada Enakmen Tanah Adat.
2. Federated Malay States Law Report, 1939, hlm. 73.
3. Federated Malay States Law Report, 1933, hlm. 34,304.
4. Dilaporkan dalam E.N. Taylor, "Inheritance in Negeri Sembilan", *JMBRAS*, 21, Pt. 2 (1948), hlm. 90.
5. Dilaporkan dalam E.N. Taylor, "The Customary Law Of Rembau", *JMBRAS*, 7, Pt. 1 (1929), hlm. 89.
6. Malayan Law Journal, 1948-1949, Supp. 13.
7. E.N. Taylor, "The Customary Law Of Rembau", hlm. 99.
8. E.N. Taylor, "The Customary Law Of Rembau", hlm. 173.
9. E.N. Taylor, "The Customary Law Of Rembau", hlm. 133.